



## NEGERI SABAH

[JPAN: 700-3/10/( 4 )]

### SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI SABAH BIL.1/2015

#### PERUBAHAN PENETAPAN GAJI PERMULAAN BERIKUTAN PENAMBAHBAIKAN SKIM PERKHIDMATAN TAHUN 2013 DAN PENAMBAHBAIKAN JADUAL GAJI MINIMUM- MAKSIMUM DI BAWAH SISTEM SARAAN MALAYSIA

#### TUJUAN

1. Surat pekeliling perkhidmatan ini bertujuan untuk memaklum dan melaksanakan perubahan penetapan gaji permulaan bagi skim perkhidmatan yang berkuat kuasa selaras dengan penambahbaikan skim-skim perkhidmatan yang dilaksanakan pada tahun 2013 serta penambahbaikan struktur Jadual Gaji Minimum – Maksimum (JGMM) di bawah Sistem Saraan Malaysia (SSM) melalui Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bilangan 14/2013 – Penambahbaikan Jadual Gaji Minimum – Maksimum Gred 1 hingga Gred 54 Di Bawah Sistem Saraan Malaysia (PPNS BIL. 14/2013).

#### DEFINISI

2. Dalam surat pekeliling perkhidmatan ini. “**gaji permulaan**” bermaksud matagaji yang ditetapkan untuk seorang pegawai yang baru dilantik tertakluk kepada skim perkhidmatan berkenaan.

## **LATAR BELAKANG**

3. Kerajaan telah bersetuju dengan penambahbaikan skim perkhidmatan melalui 18 Pekeliling Perkhidmatan yang telah dilaksanakan pada tahun 2013. Berikutan penambahbaikan tersebut, terdapat pindaan syarat lantikan dalam skim-skim perkhidmatan tertentu.

4. Kerajaan juga telah memutuskan supaya struktur JGMM bagi Gred 1 hingga Gred 40 dalam Kumpulan Pelaksana serta Gred 41 hingga Gred 54 dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional ditambah baik serta dilaksanakan melalui PPNS Bil. 14/2013. Penambahbaikan tersebut antara lain telah mengubah kod gaji dan membundarkan amaun gaji minimum dan maksimum dalam JGMM yang turut memberi kesan kepada gaji permulaan dalam skim perkhidmatan yang ditetapkan pada gaji minimum.

## **KANDUNGAN SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 1 TAHUN 2014**

5. Perubahan penetapan gaji permulaan berikutan penambahbaikan skim perkhidmatan Tahun 2013 dan penambahbaikan Jadual Gaji Minimum – Maksimum di bawah Sistem Saraan Malaysia yang diumumkan melalui Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2014 adalah diterima pakai dalam Perkhidmatan Awam Negeri Sabah.

## **PELAKSANAAN**

6. Surat Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah ini hanya memaklumkan mengenai penetapan gaji permulaan yang baharu dalam skim perkhidmatan berikutan penambahbaikan tersebut. Syarat-syarat lain yang ditetapkan dalam perbekalan umum skim perkhidmatan seperti di **Lampiran A** adalah terpakai dan surat pekeling perkhidmatan awam negeri ini hendaklah dibaca bersekali dengan skim perkhidmatan yang berkuat kuasa.

7. Penetapan gaji permulaan bagi 252 skim perkhidmatan yang berkuat kuasa adalah seperti dalam **Lampiran B**. Perubahan penetapan gaji permulaan ini hanya terpakai kepada pegawai yang dilantik mulai 1 November 2013.

8. Kesemua skim perkhidmatan yang diluluskan di bawah Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 5/2002 – Pelaksanaan Sistem Saraan Malaysia Bagi Anggota Perkhidmatan Awam Negeri, pekeliling dan surat pekeliling perkhidmatan awam negeri serta surat pelaksanaan mengenai penggubalan, perubahan dan penjumudan skim perkhidmatan dalam tempoh 1 November 2002 sehingga kini seperti dalam **Lampiran C** kekal berkuat kuasa.

### **TARIKH KUAT KUASA**

9. Surat Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah ini berkuat kuasa mulai 1 November 2013, kecuali bagi skim perkhidmatan berikut:

<u>Skim Perkhidmatan</u>	<u>Tarikh Kuat Kuasa</u>
Pegawai Perkhidmatan Pendidikan	1 Januari 2014
Pegawai Komunikasi Strategik	1 Julai 2014

### **PEMBATALAN**

10. Dengan berkuat kuasanya surat pekeliling perkhidmatan ini, maka Surat Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 1/2012 adalah dibatalkan.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "**



**(TAN SRI SUKARTI BIN WAKIMAN)**  
Setiausaha Kerajaan Negeri

Tarikh: 24 MAC 2015

s.k. Setiausaha Tetap  
Kementerian Kewangan  
Wisma Kewangan  
**88593 KOTA KINABALU**

Bendahari Negeri  
Jabatan Bendahari Negeri  
**88595 KOTA KINABALU**

Pengarah Audit  
Jabatan Audit  
**88990 KOTA KINABALU**

Diedarkan kepada: Semua Setiausaha Tetap Kementerian  
Semua Ketua Jabatan  
Semua Pihak Berkuasa Berkanun  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan  
Semua Pegawai Daerah  
Semua Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil

**PERBEKALAN UMUM SKIM PERKHIDMATAN**

(Nota: Perbekalan yang disenaraikan adalah perbekalan umum dalam skim perkhidmatan. Perbekalan terperinci dan khusus hendaklah dirujuk kepada skim perkhidmatan yang berkuat kuasa.)

<b>KLASIFIKASI</b>	:	<b>SEMUA KLASIFIKASI PERKHIDMATAN</b>
<b>KUMPULAN PERKHIDMATAN</b>	:	<b>SEMUA KUMPULAN PERKHIDMATAN</b>
<b>KEWARGANEGARAAN</b>	1.	Calon bagi lantikan hendaklah seorang warganegara Malaysia.
<b>HAD UMUR</b>	2.	Calon hendaklah berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.
<b>HAD UMUR BAGI PELANTIKAN SECARA PENINGKATAN SECARA LANTIKAN</b>	3.	Pegawai sedang berkhidmat adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan lebih tinggi tertakluk kepada had umur berikut:  (a) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau  (b) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau  (c) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.
<b>SYARAT BAHASA MELAYU</b>	4.	Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Lulus atau Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Penilaian Menengah Rendah atau Sijil Pelajaran Malaysia yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan.
<b>PENETAPAN GAJI PERMULAAN</b>	5.	Pihak Berkuasa Melantik hendaklah menentukan gaji seseorang pegawai berdasarkan gaji permulaan yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan.
<b>PENETAPAN GAJI PERMULAAN LEBIH TINGGI</b>	6.	Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum dalam skim perkhidmatan boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja atau kemahiran berkaitan.
<b>TEMPOH PERCUBAAN</b>	7.	Pegawai yang dilantik secara terus atau Peningkatan Secara Lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
<b>LATIHAN</b>	8.	Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
<b>PROGRAM TRANSFORMASI MINDA</b>	9.	Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda.

**PENGESAHAN DALAM  
PERKHIDMATAN**

10. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:
  - (a) memenuhi tempoh percubaan;
  - (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda;
  - (c) lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan, sekiranya disyaratkan oleh skim perkhidmatan;
  - (d) memenuhi syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan; dan
  - (e) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KEPERLUAN  
KOMPETENSI**

11. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.

**SENARAI PENETAPAN GAJI PERMULAAN BAGI  
252 SKIM PERKHIDMATAN**

## KANDUNGAN

<b>Bil</b>	<b>Klasifikasi Perkhidmatan</b>	<b>Kod</b>	<b>Muka Surat</b>
1	Pengangkutan	A	1-6
2	Bakat dan Seni	B	7-24
3	Sains	C	25-28
4	Pendidikan 4.1 Pendidikan Berijazah dan Bukan Berijazah 4.2 Pendidikan Pengajian Tinggi 4.3 Pensyarah UiTM 4.4 Pensyarah Universiti 4.5 Pensyarah Perubatan 4.6 Pensyarah Farmasi 4.7 Pensyarah Pergigian	DG DH DM DS DU DUF DUG	29-44
5	Ekonomi	E	45-48
6	Sistem Maklumat 6.1 Sistem Maklumat Teknikal	F FT	49
7	Pertanian	G	50-54
8	Kemahiran	H	55-56
9	Kejuruteraan	J, JA	57-63
10	Keselamatan dan Pertahanan Awam 10.1 Bomba 10.2 Pentadbiran Keselamatan 10.3 Penjara	KB KP KX	64-75
11	Perundangan dan Kehakiman 11.1 Perundangan Syariah	L LS	76-77
12	Tadbir dan Diplomatik	M	78
13	Pentadbiran dan Sokongan 13.1 Penghulu 13.2 Pentadbiran Tanah	N NP NT	79-87
14	Pencegahan	P	88-90
15	Penyelidikan dan Pembangunan	Q	91-93
16	Sosial	S	94-103
17	Perubatan dan Kesihatan 17.1 Pegawai Perubatan	U UD	104-107
18	Kewangan	W	108-111
19	Penguatkuasaan Maritim	XA	112-114
20	Polis 20.1 Pegawai Polis 20.2 Polis Orang Asli 20.3 Polis Sokongan	YA YP YT	115-118
21	Angkatan Tentera Malaysia	ZA	119-121



**KLASIFIKASI PERKHIDMATAN  
PENGANGKUTAN (A)**

Bil.	Skim Perkhidmatan	Syarat Lantikan	Gaji Permulaan (RM)
<b>KLASIFIKASI PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN (A)</b>			
1	Juruterbang/ Pemeriksa Juruterbang Gred A41, A43/44, A47/48, A51/52, A53/54	(a) (i) Lesen Juruterbang Perdagangan dan <i>Instrument Rating</i> yang diiktiraf oleh kerajaan serta mempunyai sekurang-kurangnya 500 jam pengalaman penerbangan sebagai <i>Pilot in Command</i> atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau	2,362.88
		(ii) Kategori C - <i>Captain Transport Aircraft</i> dengan mempunyai pengalaman penerbangan 750 jam dari Tentera Udara Diraja Malaysia dan <i>Instrument Rating</i> yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau	2,362.88
		(iii) Lesen Penerbangan Komersil dan <i>Instrument Rating</i> (CPL/IR) dan 1500 jam penerbangan dan memiliki 250 jam pengalaman pesawat <i>Twin Engine</i> atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.	2,587.88
		<b>LANTIKAN KE GRED A43, A47, A51, A53</b>	
		(a) (i) Lesen Juruterbang Perdagangan dan <i>Instrument Rating</i> yang diiktiraf oleh kerajaan serta mempunyai sekurang-kurangnya 500 jam pengalaman penerbangan sebagai <i>Pilot in Command</i> atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau	
		(ii) Kategori C - <i>Captain Transport Aircraft</i> dengan mempunyai pengalaman penerbangan 750 jam dari Tentera Udara Diraja Malaysia dan <i>Instrument Rating</i> yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau	
		(iii) Lesen Penerbangan Komersil dan <i>Instrument Rating</i> (CPL/IR) dan 1500 jam penerbangan dan memiliki 250 jam pengalaman pesawat <i>Twin Engine</i> atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.	
		dan	
		(b) (i) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian dalam bidang berkaitan; dan	
(ii) memenuhi tahap kriteria kecemerlangan yang ditetapkan.			
		• Gred A43	3,422.00
		• Gred A47	5,007.00
		• Gred A51	5,640.00
		• Gred A53	5,941.00
2	Pemeriksa Kapal Terbang Gred A41, A43/44, A47/48, A51/52, A53/54	(a) (i) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (penerbangan, elektrik atau elektronik) yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau	2,362.88

Bil.	Skim Perkhidmatan	Syarat Lantikan	Gaji Permulaan (RM)
		(ii) <i>Aircraft Maintenance Engineer's Licence</i> yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.	2,362.88
		<b>LANTIKAN KE GRED A43, A47, A51, A53</b>	
		(a) (i) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (penerbangan, elektrik atau elektronik) yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau	
		(ii) <i>Aircraft Maintenance Engineer's Licence</i> yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.	
		dan;	
		(b) (i) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian dalam bidang berkaitan; dan	
		(ii) memenuhi tahap kriteria kecemerlangan yang ditetapkan	
		• Gred A43	3,422.00
		• Gred A47	5,007.00
		• Gred A51	5,640.00
		• Gred A53	5,941.00
3	Penolong Pemeriksa Kapal Terbang Gred A29, A36, A38	(a) (i) diploma dalam bidang kejuruteraan (penerbangan, elektrik, elektronik atau mekanikal) yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau	1,685.00
		(ii) bekas Tentera Udara Diraja Malaysia sekurang-kurangnya berpangkat Sarjan yang telah:	1,834.57
		(A) disahkan dalam perkhidmatan;	
		(B) mempunyai pengalaman dalam bidang penyelenggaraan <i>air-frame</i> atau enjin atau elektrik kapal terbang; dan	
		(C) lulus Peperiksaan Khas anjuran Jabatan Penerbangan Awam Malaysia.	
4	Pegawai Kawalan Trafik Udara Gred A41, A44, A48, A52, A54	(a) (i) ijazah sarjana muda yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau	2,155.32
		(ii) ijazah sarjana muda kepujian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;	2,466.65
		dan;	

Bil.	Skim Perkhidmatan	Syarat Lantikan	Gaji Permulaan (RM)
		(b) (i) lulus dalam subjek Matematik atau Ilmu Sains atau salah satu daripada subjek Sains serta lulus Bahasa Inggeris pada peringkat peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; (ii) lulus Ujian Kecenderungan yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik; (iii) lulus pemeriksaan doktor untuk memastikan bahawa calon mempunyai tubuh badan yang sihat, pendengaran yang baik, penglihatan yang terang dan boleh mengenal dan membezakan warna seperti yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan; dan (iv) tamat dengan jayanya kursus praperkhidmatan di Kolej Penerbangan Awam, Malaysia dalam bidang <i>Area Control</i> dan mendapat <i>Area Control Rating</i> .	
5	Penolong Pegawai Kawalan Trafik Udara Gred A29, A36, A38	(a) (i) diploma dalam bidang pengajian perniagaan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau (ii) diploma dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan (b) (i) lulus dalam subjek Matematik atau Ilmu Sains atau salah satu daripada subjek Sains serta lulus Bahasa Inggeris pada peringkat peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; (ii) lulus Ujian Kecenderungan yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik; (iii) lulus pemeriksaan doktor untuk memastikan bahawa calon mempunyai tubuh badan yang sihat, pendengaran yang baik, penglihatan yang terang dan boleh mengenal dan membezakan warna seperti yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan; dan (iv) tamat dengan jayanya kursus praperkhidmatan di Kolej Penerbangan Awam, Malaysia dalam bidang-bidang berikut: (A) <i>Aerodrome Control</i> dan mendapat <i>Aerodrome Control Rating</i> ; dan (B) <i>Approach Control</i> dan mendapat <i>Approach Control Rating</i> .	1,834.57  1,909.77
6	Pegawai Laut Gred A41, A44, A48, A52, A54	(a) (i) ijazah sarjana muda dalam bidang pengurusan maritim yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi - institusi pengajian tinggi tempatan	2,259.10

Bil.	Skim Perkhidmatan	Syarat Lantikan	Gaji Permulaan (RM)
		<p>atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau</p> <p>(ii) ijazah sarjana muda dalam bidang <i>nautical studies</i> yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau</p> <p>(iii) ijazah sarjana muda dalam bidang kejuruteraan laut yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau</p> <p>(iv) ijazah dalam bidang arkitek laut yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tempatan atau kelayakan yang diiktiraf dengannya; atau</p> <p>(v) <i>Chief Mate of 3000 GT or more Unlimited Trade Voyages</i> yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau</p> <p>(vi) <i>Second Engineer Officer of 3000 kW or more Unlimited Trade Voyages</i> yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau</p> <p>(vii) <i>Master of 3000 GT or more Unlimited Trade Voyages</i> yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau</p> <p>(viii) <i>Chief Engineer Officer of 3000 kW or more Unlimited Trade Voyages</i> yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.</p>	<p>2,362.88</p> <p>2,362.88</p> <p>2,570.43</p> <p>2,570.43</p> <p>2,570.43</p> <p>2,985.55</p> <p>2,985.55</p>
7	Penolong Pegawai Laut Gred A29, A36, A38	<p>(a) (i) diploma dalam bidang pengurusan maritim yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau</p> <p>(ii) diploma dalam bidang sains nautika yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau</p> <p>(iii) <i>Chief Mate of Between 500 &amp; 3000 GT Near Coastal Trade Voyages</i> yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau</p> <p>(iv) <i>Second Engineer Officer of Between 750 &amp; 3000 kW on Near Coastal Trade Voyages</i> yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau</p> <p>(v) diploma dalam bidang kejuruteraan laut yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi – institusi pengajian tinggi tempatan atau</p>	<p>1,685.00</p> <p>1,759.36</p> <p>1,759.36</p> <p>1,759.36</p> <p>1,834.57</p>

Bil.	Skim Perkhidmatan	Syarat Lantikan	Gaji Permulaan (RM)
		<p>kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau</p> <p>(vi) <i>Master of Between 500 &amp; 3000 GT Near Coastal Trade Voyages</i> yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau</p> <p>(vii) <i>Chief Engineer Officer of Between 750 &amp; 3000 kW on Near Coastal Trade Voyages</i> yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau</p> <p>(viii) <i>Chief Mate of 3000 GT or more Near Coastal Trade Voyages</i> yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau</p> <p>(ix) <i>Second Engineer Officer of 3000 kW or more on Near Coastal Trade Voyages</i> yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau</p> <p>(x) <i>Master of 3000 GT or more Near Coastal Trade Voyages</i> yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau</p> <p>(xi) <i>Chief Engineer Officer of 3000 kW or more on Near Coastal Trade Voyages</i> yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau</p> <p>(xii) <i>Officer In Charge of a Navigational Watch of 500 GT or more on Unlimited Trade Voyages</i> yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau</p> <p>(xiii) <i>Officer In Charge of an Engineering Watch of 750 kW or more on Unlimited Trade Voyages</i> yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.</p>	<p>1,834.57</p> <p>1,834.57</p> <p>1,909.77</p> <p>1,909.77</p> <p>1,984.97</p> <p>1,984.97</p> <p>2,135.37</p> <p>2,135.37</p>
8	Pembantu Laut Gred A17, A22, A26	<p>(a) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau</p> <p>(ii) <i>Mate On Ships Of Less Than 500 GT On Domestic Trade Voyages</i> atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau</p> <p>(iii) <i>Engineer Officer Of Less Than 750 kW On Domestic and Near Coastal Voyages</i> atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau</p> <p>(iv) <i>Master On Ships Of Less Than 500 GT On Domestic Trade Voyages</i> atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau</p> <p>(v) <i>Officer In Charge Of Navigational Watch Less Than 500 GT Near Coastal Trade Voyages</i> atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.</p>	<p>938.00</p> <p>1,053.51</p> <p>1,053.51</p> <p>1,111.63</p> <p>1,344.09</p>

Bil.	Skim Perkhidmatan	Syarat Lantikan	Gaji Permulaan (RM)
9	Pemeriksa Kereta Motor Gred A17, A22, A26	(a) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta mempunyai pengalaman berkhidmat sebagai mekanik semua jenis kereta motor di jabatan-jabatan kerajaan atau firma-firma motor ternama; atau	938.00
		(ii) Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang Mekanik atau Pemasang Sistem Gas Asli Kenderaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau	995.39
		(iii) Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang Mekanik atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau	1,053.51
		(iv) sijil dalam bidang kejuruteraan jentera daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;	1,402.21
		dan (b) (i) mempunyai Lesen Memandu Kelas B dan D yang sah dan bersih serta mempunyai pengalaman memandu selepas memiliki kedua-dua lesen tersebut selama tidak kurang daripada 1 tahun.	
10	Pemandu Lokomotif Gred A13, A17/18, A22, A26	<b>LANTIKAN KE GRED A13</b>	
		(a) (i) Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;	906.00
		dan (b) (i) lulus ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan dengan ketetapan V6/6 tanpa menggunakan cermin mata dan tidak buta warna; dan (ii) tamat dengan jayanya kursus latihan yang ditetapkan dan mendapat Sijil Kelayakan Pemandu Lokomotif Jabatan Keretapi Negeri Sabah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.	
		<b>LANTIKAN KE GRED A17</b>	
		(a) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;	1,227.86
		dan (b) (i) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan dengan ketetapan V6/6 tanpa menggunakan cermin mata dan tidak buta warna; dan (ii) tamat dengan jayanya kursus latihan yang ditetapkan dan mendapat Sijil Kelayakan Pemandu Lokomotif Jabatan Keretapi Negeri Sabah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.	

**KLASIFIKASI PERKHIDMATAN  
BAKAT DAN SENI (B)**



Bil.	Skim Perkhidmatan	Syarat Lantikan	Gaji Permulaan (RM)	
<b>KLASIFIKASI PERKHIDMATAN BAKAT DAN SENI (B)</b>				
11	Penerbit Rancangan Gred B17, B21/22, B25/26, B27/28, B31/32, B37/38, B41/42, B43/44, B47/48, B51/52, B53/54	<b>LANTIKAN KE GRED B17</b>		
		(A) mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti; dan		
		(a) (i) mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang perfileman dan/atau penerbitan rancangan radio atau televisyen termasuk pementasan, teater, drama, hiburan, ehwal semasa dan lain-lain; atau	936.00	
		(ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.	936.00	
		<b>LANTIKAN KE GRED B21, B25</b>		
		(B) mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti; dan		
		(a) (i) mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang perfileman dan/atau penerbitan rancangan radio atau televisyen termasuk pementasan, teater, drama, hiburan, ehwal semasa dan lain-lain; atau		
		(ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;		
		dan		
		(b) (i) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian dalam bidang berkaitan; dan/atau		
(ii) memenuhi tahap kriteria kecemerlangan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.				
		1,960.00		
		2,503.00		
<b>LANTIKAN KE GRED B27</b>				
(C) mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti; dan				
(a) (i) mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang perfileman dan/atau penerbitan rancangan radio atau televisyen termasuk pementasan, teater, drama, hiburan, ehwal semasa dan lain-lain; atau	1,368.00			
(ii) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau	1,368.00			
(iii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau	1,368.00			

Bil.	Skim Perkhidmatan	Syarat Lantikan	Gaji Permulaan (RM)
		(iv) diploma dalam bidang animasi, komunikasi massa, multimedia, pengajian media, grafik komunikasi, fotografi, penyiaran atau perfileman atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.	1,668.78
		<b>LANTIKAN KE GRED B31, B37</b>	
		<p>(D) mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti; dan</p> <p>(a) (i) mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang perfileman dan/atau penerbitan rancangan radio atau televisyen termasuk pementasan, teater, drama, hiburan, ehwal semasa dan lain-lain; atau</p> <p>(ii) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau</p> <p>(iii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau</p> <p>(iv) diploma dalam bidang animasi, komunikasi massa, multimedia, pengajian media, grafik komunikasi, fotografi, penyiaran atau perfileman atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.</p> <p>dan</p> <p>(b) (i) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian dalam bidang berkaitan; dan/atau</p> <p>(ii) memenuhi tahap kriteria kecemerlangan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Gred B31</li> <li>• Gred B37</li> </ul>	<p style="text-align: right;">2,734.00</p> <p style="text-align: right;">3,430.00</p>
		<b>LANTIKAN KE GRED B41</b>	
		<p>(E) mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti; dan</p> <p>(a) (i) mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang perfileman dan/atau penerbitan rancangan radio atau televisyen termasuk pementasan, teater, drama, hiburan, ehwal semasa dan lain-lain; atau</p>	1,926.00

Bil.	Skim Perkhidmatan	Syarat Lantikan	Gaji Permulaan (RM)
		<p>(ii) ijazah sarjana muda dalam bidang animasi, komunikasi massa, multimedia, pengajian media, grafik komunikasi, fotografi, penyiaran atau perfileman atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau</p> <p>(iii) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang animasi, komunikasi massa, multimedia, pengajian media, grafik komunikasi, fotografi, penyiaran atau perfileman atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.</p>	<p>1,926.00</p> <p>2,133.30</p>
<b>LANTIKAN KE GRED B43, B47, B51, B53</b>			
		<p>(F) mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti; dan</p> <p>(a) (i) mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang perfileman dan/atau penerbitan rancangan radio atau televisyen termasuk pementasan, teater, drama, hiburan, ehwal semasa dan lain-lain; atau</p> <p>(ii) ijazah sarjana muda dalam bidang animasi, komunikasi massa, multimedia, pengajian media, grafik komunikasi, fotografi, penyiaran atau perfileman atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.</p> <p>(iii) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang animasi, komunikasi massa, multimedia, pengajian media, grafik komunikasi, fotografi, penyiaran atau perfileman atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.</p> <p>dan</p> <p>(b) (i) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian dalam bidang berkaitan; dan/atau</p> <p>(ii) memenuhi tahap kriteria kecemerlangan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.</p>	

Bil.	Skim Perkhidmatan	Syarat Lantikan	Gaji Permulaan (RM)
		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Gred B43</li> <li>• Gred B47</li> <li>• Gred B51</li> <li>• Gred B53</li> </ul> <p><b><u>SYARAT UJIAN KHAS</u></b></p> <p>Calon lantikan adalah dikehendaki lulus Ujian Khas bagi menentukan kesesuaian mutu dan tahap bakat, kebolehan dan daya kreativiti dalam bidang perfileman dan/atau penerbitan rancangan radio atau televisyen termasuk pementasan, teater, drama, hiburan, ehwal semasa dan lain-lain sebelum lantikan seperti yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan.</p>	<p>3,412.00</p> <p>4,959.00</p> <p>5,579.00</p> <p>5,884.00</p>
12	Ahli Muzik Gred B17, B21/22, B25/26, B27/28, B31/32, B37/38, B41/42, B43/44, B47/48, B51/52, B53/54	<p><b>LANTIKAN KE GRED B17</b></p> <p>(A) mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti; dan</p> <p>(a) (i) berkebolehan memainkan satu dan/atau lebih alat muzik moden atau tradisional; atau</p> <p>(ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau</p> <p>(iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta memiliki Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang Seni Muzik (Pemuzik Tradisional Melayu (<i>Musician – Malay Traditional Ensemble</i>), <i>Contemporary Musician, Musician</i> atau <i>Musician (Rhythm Section)</i>] atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau</p> <p>(iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta memiliki Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang Seni Muzik (Prinsipal Pemuzik Tradisional Melayu (<i>Principal Musician – Malay Traditional Ensemble</i>), <i>Senior Contemporary Musician, Principal Musician</i> atau <i>Principal Musician (Rhythm Section)</i>] atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.</p>	<p>936.00</p> <p>936.00</p> <p>1,051.80</p> <p>1,109.92</p>

Bil.	Skim Perkhidmatan	Syarat Lantikan	Gaji Permulaan (RM)
		<b>LANTIKAN KE GRED B21, B25</b>	
		<p>(B) mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti; dan</p> <p>(a) (i) berkebolehan memainkan satu dan/atau lebih alat muzik moden atau tradisional; atau</p> <p>(ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau</p> <p>(iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta memiliki Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang Seni Muzik (Pemuzik Tradisional Melayu (<i>Musician – Malay Traditional Ensemble</i>), <i>Contemporary Musician</i>, <i>Musician</i> atau <i>Musician (Rhythm Section)</i>] atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau</p> <p>(iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta memiliki Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang Seni Muzik (Prinsipal Pemuzik Tradisional Melayu (<i>Principal Musician – Malay Traditional Ensemble</i>), <i>Senior Contemporary Musician</i>, <i>Principal Musician</i> atau <i>Principal Musician (Rhythm Section)</i>] atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.</p> <p>dan</p> <p>(b) (i) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian dalam bidang berkaitan; dan/atau</p> <p>(ii) memenuhi tahap kriteria kecemerlangan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Gred B21</li> <li>• Gred B25</li> </ul>	<div style="background-color: #cccccc; height: 500px;"></div>
		<b>LANTIKAN KE GRED B27</b>	
		<p>(C) mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti; dan</p> <p>(a) (i) berkebolehan memainkan satu dan/atau lebih alat muzik moden atau tradisional; atau</p> <p>(ii) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau</p>	<p>1,368.00</p> <p>1,368.00</p>

Bil.	Skim Perkhidmatan	Syarat Lantikan	Gaji Permulaan (RM)
		(iii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau  (iv) diploma dalam bidang seni muzik yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.	1,368.00  1,668.78
		<b>LANTIKAN KE GRED B31, B37</b>	
		(D) mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti; dan (a) (i) berkebolehan memainkan satu dan/atau lebih alat muzik moden atau tradisional; atau (ii) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau (iii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau (iv) diploma dalam bidang seni muzik yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (b) (i) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian dalam bidang berkaitan; dan/atau (ii) memenuhi tahap kriteria kecemerlangan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.	
		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Gred B31</li> <li>• Gred B37</li> </ul>	2,734.00 3,430.00
		<b>LANTIKAN KE GRED B41</b>	
		(E) mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti; dan (a) (i) berkebolehan memainkan satu dan/atau lebih alat muzik moden atau tradisional; atau (ii) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang seni muzik yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.	1,926.00  2,133.30

Bil.	Skim Perkhidmatan	Syarat Lantikan	Gaji Permulaan (RM)
		<p><b>LANTIKAN KE GRED B43, B47, B51, B53</b></p> <p>(F) mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti; dan</p> <p>(a) (i) berkebolehan memainkan satu dan/atau lebih alat muzik moden atau tradisional; atau</p> <p>(ii) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang seni muzik yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;</p> <p>dan</p> <p>(b) (i) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian dalam bidang berkaitan; dan/atau</p> <p>(ii) memenuhi tahap kriteria kecemerlangan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Gred B43</li> <li>• Gred B47</li> <li>• Gred B51</li> <li>• Gred B53</li> </ul> <p><b><u>SYARAT UJIAN KHAS</u></b></p> <p>Calon lantikan adalah dikehendaki lulus Ujian Khas bagi menentukan kesesuaian mutu dan tahap bakat, kebolehan dan daya kreativiti serta berkebolehan memainkan satu atau lebih alat muzik moden atau tradisional sebelum lantikan seperti yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan.</p>	<p style="text-align: right;">3,412.00</p> <p style="text-align: right;">4,959.00</p> <p style="text-align: right;">5,579.00</p> <p style="text-align: right;">5,884.00</p>
13	Pereka Gred B17, B21/22, B25/26, B27/28, B31/32, B37/38, B41/42, B43/44, B47/48, B51/52, B53/54	<p><b>LANTIKAN KE GRED B17</b></p> <p>(A) mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti; dan</p> <p>(a) (i) mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang seni reka dan/atau seni lukis; atau</p> <p>(ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta mendapat Kepujian dalam subjek Pendidikan Seni Visual pada peringkat peperiksaan tersebut.</p> <p>(iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta memiliki Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang Seni Grafik (Pereka Grafik (<i>Graphic Designer</i>) atau Perakabentuk Multimedia [Artis Multimedia – Visual <i>Multimedia Artist – Visual</i>]) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau</p>	<p style="text-align: right;">936.00</p> <p style="text-align: right;">936.00</p> <p style="text-align: right;">1,051.80</p>

Bil.	Skim Perkhidmatan	Syarat Lantikan	Gaji Permulaan (RM)
		<p>(iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta memiliki Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang Seni Grafik (Eksekutif Rekaan Grafik (<i>Graphic Designing Executive</i>) atau Perekabentuk Multimedia [Pereka Bentuk Multimedia – Animasi &amp; Visual (<i>Multimedia Designer–Animation &amp; Visual</i>)] atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.</p>	1,109.92
<b>LANTIKAN KE GREB B21, B25</b>			
		<p>(B) mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti; dan</p> <p>(a) (i) mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang seni reka dan/atau seni lukis; atau</p> <p>(ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta mendapat Kepujian dalam subjek Pendidikan Seni Visual pada peringkat peperiksaan tersebut.</p> <p>(iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta memiliki Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang Seni Grafik (Pereka Grafik (<i>Graphic Designer</i>) atau Perekabentuk Multimedia [Artis Multimedia – Visual (<i>Multimedia Artist – Visual</i>)] atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau</p> <p>(iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta memiliki Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang Seni Grafik (Eksekutif Rekaan Grafik (<i>Graphic Designing Executive</i>) atau Perekabentuk Multimedia [Pereka Bentuk Multimedia – Animasi &amp; Visual (<i>Multimedia Designer–Animation &amp; Visual</i>)] atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.</p> <p>dan</p> <p>(b) (i) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian dalam bidang berkaitan; dan/atau</p>	



Bil.	Skim Perkhidmatan	Syarat Lantikan	Gaji Permulaan (RM)
		(ii) memenuhi tahap kriteria kecemerlangan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan. <ul style="list-style-type: none"> <li>• Gred B21</li> <li>• Gred B25</li> </ul>	<div style="background-color: #cccccc; height: 20px; width: 100%;"></div> 1,960.00 2,503.00
		<b>LANTIKAN KE GRED B27</b>	
		(C) mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti; dan <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) (i) mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang seni reka dan/atau seni lukis; atau</li> <li>(ii) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta mendapat Prinsipal dalam subjek Seni Visual pada peringkat peperiksaan tersebut; atau</li> <li>(iii) diploma dalam bidang seni kreatif, seni bina dalaman, seni lukis atau seni reka yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.</li> </ul>	1,368.00  1,368.00  1,668.78
		<b>LANTIKAN KE GRED B31, B37</b>	
		(D) mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti; dan <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) (i) mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang seni reka dan/atau seni lukis; atau</li> <li>(ii) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta mendapat Prinsipal dalam subjek Seni Visual pada peringkat peperiksaan tersebut; atau</li> <li>(iii) diploma dalam bidang seni kreatif, seni bina dalaman, seni lukis atau seni reka yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.</li> </ul> dan <ul style="list-style-type: none"> <li>(b) (i) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian dalam bidang berkaitan; dan/atau</li> <li>(ii) memenuhi tahap kriteria kecemerlangan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.               <ul style="list-style-type: none"> <li>• Gred B31</li> <li>• Gred B37</li> </ul> </li> </ul>	<div style="background-color: #cccccc; height: 100%; width: 100%;"></div>
			2,734.00 3,430.00

Bil.	Skim Perkhidmatan	Syarat Lantikan	Gaji Permulaan (RM)
		<p><b>LANTIKAN KE GRED B41</b></p> <p>(E) mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti; dan</p> <p>(a) (i) mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang seni reka dan/atau seni lukis; atau</p> <p>(ii) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang seni kreatif, seni bina dalaman, seni lukis atau seni reka yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.</p> <p><b>LANTIKAN KE GRED B43, B47, B51, B53</b></p> <p>(F) mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti; dan</p> <p>(a) (i) mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang seni reka dan/atau seni lukis; atau</p> <p>(ii) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang seni kreatif, seni bina dalaman, seni lukis atau seni reka yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.</p> <p>dan</p> <p>(b) (i) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian dalam bidang berkaitan; dan/atau</p> <p>(ii) memenuhi tahap kriteria kecemerlangan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Gred B43</li> <li>• Gred B47</li> <li>• Gred B51</li> <li>• Gred B53</li> </ul> <p><b>SYARAT UJIAN KHAS</b></p> <p>Calon lantikan adalah dikehendaki lulus Ujian Khas bagi menentukan kesesuaian mutu dan tahap bakat, kebolehan dan daya kreativiti dalam bidang seni reka dan/atau seni lukis sebelum lantikan seperti yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan.</p>	<p>1,926.00</p> <p>2,133.30</p> <p>3,412.00</p> <p>4,959.00</p> <p>5,579.00</p> <p>5,884.00</p>

Bil.	Skim Perkhidmatan	Syarat Lantikan	Gaji Permulaan (RM)
14	Pegawai Kebudayaan Gred B17/18, B21/22, B25/26, B27/28, B31/32, B37/38, B41/42, B43/44, B47/48, B51/52, B53/54	<b>LANTIKAN KE GRED B17</b>	
		(A) mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti; dan	
		(a) (i) mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang kebudayaan; atau	936.00
		(ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.	936.00
		<b>LANTIKAN KE GRED B21, B25</b>	
		(B) mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti; dan	
		(a) (i) mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang kebudayaan; atau	
		(ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.	
		dan	
		(b) (i) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian dalam bidang berkaitan; dan/atau	
		(ii) memenuhi tahap kriteria kecemerlangan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.	
			1,960.00
	2,503.00		
<b>LANTIKAN KE GRED B27</b>			
(C) mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti; dan			
(a) (i) mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang kebudayaan; atau	1,368.00		
(ii) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau	1,368.00		
(iii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau	1,368.00		
(iv) diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.	1,668.78		
<b>LANTIKAN KE GRED B31, B37</b>			
(D) mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti; dan			
(a) (i) mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang kebudayaan; atau			

Bil.	Skim Perkhidmatan	Syarat Lantikan	Gaji Permulaan (RM)
		(ii) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dan mempunyai pengalaman dalam bidang kebudayaan; atau (iii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau (iv) diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. dan (b) (i) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian dalam bidang berkaitan; dan/atau (ii) memenuhi tahap kriteria kecemerlangan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.	
		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Gred B31</li> <li>• Gred B37</li> </ul>	2,734.00 3,430.00
<b>LANTIKAN KE GRED B41</b>			
		(E) mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti; dan	
		(a) (i) mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang kebudayaan; atau	1,926.00
		(ii) ijazah sarjana muda dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau	1,926.00
		(iii) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.	2,133.30
<b>LANTIKAN KE GRED B43, B47, B51, B53</b>			
		(F) mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti; dan	
		(a) (i) mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang kebudayaan; atau	
		(ii) ijazah sarjana muda dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau	

Bil.	Skim Perkhidmatan	Syarat Lantikan	Gaji Permulaan (RM)
		<p>(iii) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.</p> <p>dan</p> <p>(b) (i) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian dalam bidang berkaitan; dan/atau</p> <p>(ii) memenuhi tahap kriteria kecemerlangan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Gred B43</li> <li>• Gred B47</li> <li>• Gred B51</li> <li>• Gred B53</li> </ul> <p><b>SYARAT UJIAN KHAS</b></p> <p>Calon lantikan adalah dikehendaki lulus Ujian Khas bagi menentukan kesesuaian mutu dan tahap bakat, kebolehan dan daya kreativiti dalam bidang kebudayaan sebelum lantikan seperti yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan.</p>	<p style="text-align: right;">3,412.00</p> <p style="text-align: right;">4,959.00</p> <p style="text-align: right;">5,579.00</p> <p style="text-align: right;">5,884.00</p>
15	Artis Budaya Gred B17, B21/22, B25/26, B27/28, B31/32, B37/38	<p><b>LANTIKAN KE GRED B17</b></p> <p>(A) mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti; dan</p> <p>(a) (i) mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang kebudayaan; atau</p> <p>(ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.</p> <p><b>LANTIKAN KE GRED B21, B25</b></p> <p>(B) mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti; dan</p> <p>(a) (i) mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang kebudayaan; atau</p> <p>(ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.</p> <p>(b) (i) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian dalam bidang berkaitan; dan/atau</p> <p>(ii) memenuhi tahap kriteria kecemerlangan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.</p>	<p style="text-align: right;">936.00</p> <p style="text-align: right;">936.00</p>

Bil.	Skim Perkhidmatan	Syarat Lantikan	Gaji Permulaan (RM)
		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Gred B21</li> <li>• Gred B25</li> </ul>	<p style="text-align: right;">1,960.00</p> <p style="text-align: right;">2,503.00</p>
		<b>LANTIKAN KE GRED B27</b>	
		<p>(C) mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti; dan</p> <p>(a) (i) mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang kebudayaan; atau</p> <p>(ii) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau</p> <p>(iii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau</p> <p>(iv) diploma dalam bidang seni lakon, seni persembahan, seni tari, seni kreatif, seni drama atau seni teater yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.</p>	<p style="text-align: right;">1,368.00</p> <p style="text-align: right;">1,368.00</p> <p style="text-align: right;">1,368.00</p> <p style="text-align: right;">1,668.78</p>
		<b>LANTIKAN KE GRED B31, B37</b>	
